

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2020)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KEEMPAT BELAS
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2019, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)

SOALAN 1 (A127)

Dengan lebih kebebasan yang diberi kepada media sosial, ramai pengguna telah mengelirukan makna ungkapan kebencian (hate speech) dengan kebebasan bersuara (free speech). Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan tren ini tidak berterusan sehingga menjejaskan keharmonian dan perpaduan negara?

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 2 (A149)

Apakah langkah-langkah keselamatan dibuat bagi portal Dewan Negeri supaya memastikan tiada pencerobohan dilakukan seperti yang berlaku di Universiti Malaya pada baru-baru ini.

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)

SOALAN 3 (A185)

Nyatakan secara terperinci setiap keluasan kawasan dan juga jenis-jenis fasiliti yang disediakan oleh IRDA untuk faedah belia negeri Johor.

YB DATO' HAJI OSMAN BIN SAPIAN (KEMPAS)

SOALAN 4 (A39)

Berapakah jumlah kilometer, kos dan status terkini projek-projek pelebaran jalan termasuk pelebaran Jalan Kempas Lama, Kampung Maju Jaya Kempas dalam negeri Johor sembilan bulan pertama tahun 2019?

YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)

SOALAN 5 (A126)

Keberkesanan penguatkuasaan JAS sangat bergantung pada tindakan sepakat dari PBT, TNB, SAJ, BAKAJ, termasuk pejabat wakil rakyat tempatan.

Apakah tindakan defenatif kerajaan untuk memastikan kerjasama rentasan agensi dan pihak yang berkenaan dalam usaha meningkat keberkesanan penguatkuasaan JAS?

YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)

SOALAN 6 (A55)

Mohon menyegerakan penyaluran air dari Sungai Dohol ke Loji Air Gembut terus disalurkan ke Loji Air Waha dan Loji Air Lok Heng oleh pihak BAKAJ. Gunapakai peruntukan yang disediakan untuk kajian bagi menyelesaikan isu air dengan segera.

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 7 (A85)

Senaraikan semua penerima bantuan kebajikan yang terkini di DUN Pasir Raja serta jenis dan jumlah amaun bantuan yang diterima oleh mereka setiap bulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.?

YB SENATOR DATO' ZAHARI BIN SARIP (BULOH KASAP)

SOALAN 8 (A178)

Minta kerajaan menyatakan jumlah penerima bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut pecahan kaum dan jantina bagi setiap daerah.

YB TUAN GOPALAKRISHNAN SUBRAMANIAM (TIRAM)

SOALAN 9 (A116)

Highway Senai ke Desaru E22 perlu adakan susur keluar ke Sungai Tiram. Highway ini memang melalui Sungai Tiram. (Hentian Layang-layang)

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 10 (A171)

Adakah pihak kerajaan mempunyai data khusus tentang kewujudan kilang-kilang haram dan bagaimana pihak kerajaan menangani perkara ini bersama-sama agensi kerajaan yang lain.

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 11 (A46)

Bagaimana kerajaan boleh membantu bumiputera agar diberi kuota untuk berniaga di pusat perniagaan komersial utama di bandar-bandar?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)

SOALAN 12 (A153)

Pengkaram adalah pusat bandar daerah Batu Pahat di mana fasiliti komunikasi sangat diperlukan. Malangnya, gangguan perkhidmatan Telekom masih berlanjutan sehingga kini, dan telah memberi kesan kepada komuniti. Apakah langkah dan jaminan kerajaan bagi memastikan masalah ini dapat diatasi segera?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 13 (A164)

Jadual Kadar Harga yang dikeluarkan oleh JKR menjadi rujukan dalam penyediaan Bill of Quantity (BQ) selalunya jauh lebih tinggi daripada harga pasaran semasa, adakah JKH ini sebagai harga rujukan sahaja atau mesti diikuti walaupun harganya terlalu tinggi dan tidak munasabah?

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 14 (A76)

Minta dinyatakan daripada jumlah Foreign Direct Investment (FDI) yang berjaya ditarik masuk pada tahun lalu, berapakah antaranya menawarkan pekerjaan berkemahiran dan berteknologi tinggi kepada rakyat Johor?

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 15 (A23)

Apakah perkembangan menambah baik liputan Unifi di setiap daerah?

YB HJ KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 16 (A209)

Setakat hari ini berikan statistik jumlah penagih dadah di seluruh negeri Johor dan apakah tindakan serius kerajaan mengatasi masalah ini.

YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI YASSIN (GAMBIR)

SOALAN 17 (A211)

YB Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Gambir meminta Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Negeri untuk menyatakan statistik penerima Kad Sihat Johor mengikut daerah dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan lebih ramai rakyat negeri Johor menerima manfaat kad ini.

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 18 (A119)

Apakah usaha kerajaan dalam memajukan industri durian di Negeri Johor?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 19 (A84)

Dalam Bajet 2020, Felda telah menerima RM720 juta bagi program peningkatan pendapatan peneroka, hapus kira faedah pinjaman, menaiktaraf bekalan air, perumahan generasi baharu dan menaiktaraf jalan. Berapakah peratuskah dari jumlah tersebut untuk Felda di dalam Johor?

YB SENATOR DATO' ZAHARI BIN SARIP (BULOH KASAP)

SOALAN 20 (A180)

Minta kerajaan menyatakan status dan perkembangan terkini berkenaan Hub Pertanian di Segamat termasuk jumlah hasil dan pengusaha yang terlibat.

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)

SOALAN 21 (A140)

Minta penjelasan apakah perancangan kerajaan negeri membangunkan komoditi Kelapa Mataq, Nenas MD2 dan Durian sebagai sumber kekayaan baru pertanian di negara ini, di samping menjadi pengganti terbaik komoditi kelapa sawit yang potensinya semakin malap.

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 22 (A146)

Dalam daerah Muar terdapat 2,337 ekar tanah terbiar yang boleh dimajukan untuk menjadi sumber kepada pendapatan negeri, apakah perancangan dalam masa terdekat dan panjang bagi tanah terbiar tersebut supaya dapat meningkatkan ekonomi setempat.

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 23 (A63)

Mohon kajian semula untuk kenaikan elaun Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat Negeri Johor.

YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)

SOALAN 24 (A125)

Mengikut Gini Coefficient, Malaysia masih mempunyai jurang pendapatan yang agak tinggi di kalangan negara ASEAN. Apakah langkah-langkah kerajaan Johor untuk memastikan Johor mencapai prestasi Gini Coefficient yang lebih memuaskan?

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 25 (A148)

Berapakah penerima dan peruntukan yang telah mendapat melalui program Ihsan Johor pada tahun 2019.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 26 (A167)

Banyak hakmilik sementara lot tanah tidak menyatakan simpanan jalan di antara lot, apakah polisi kerajaan sekiranya kedua-dua belah pemilik tanah enggan memberi ruang untuk simpanan jalan?

YB SENATOR DATO' ZAHARI BIN SARIP (BULOH KASAP)
SOALAN 27 (A179)

Minta kerajaan menyatakan statistik jenayah yang dilaporkan berlaku di negeri Johor dalam tempoh 5 tahun sehingga pertengahan tahun 2019.

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 28 (A197)

Nyatakan jumlah keluasan tanah yang diluluskan untuk tujuan Rumah Ibadat Bukan Islam dalam Negeri Johor pada tahun 2018 dan 2019?

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2020) TAHUN 2019

----- (Ucapan Penggulungan YB Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Ahad, 1 Disember 2019, jam 9:30 pagi.